

11/09/2001

Semua syor akan dikemukakan kepada Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua cadangan yang disyorkan dalam Forum Suruhanjaya Hak Asasi Manusia akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Parlimen dan kementerian berkenaan untuk tindakan lanjut.

Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Tan Sri Musa Hitam, berkata laporan berkenaan adalah rangkuman perbincangan enam kumpulan dalam forum dua hari yang berakhir hari ini.

"Hasil laporan yang dibentangkan hari ini mengandungi beberapa cadangan yang bernas dan wajar diberi perhatian oleh kerajaan.

"Hakikat forum ini dapat disempurnakan dan mencapai sasaran yang ditetapkan adalah bukti bahawa hak asasi manusia diberi keutamaan oleh kerajaan," katanya pada majlis penutupan forum berkenaan di sini, hari ini.

Forum dua hari bertema Hak Asasi Untuk Golongan Kurang Bernasib Baik itu adalah antara acara anjuran Suhakam sempena sambutan hari Hak Asasi Manusia di sini, hari ini.

Sebanyak enam bengkel membabitkan kumpulan pribumi, orang kurang upaya, wanita, kanak-kanak, golongan khas dan pekerja bagi membentangkan hasil laporan masing-masing.

Antara lain, ia membabitkan cadangan kepada kerajaan, termasuk penggubalan akta baru serta pindaan peruntukan undang-undang sedia ada, mengenai hak asasi manusia membabitkan golongan berkenaan.

Juru lapor bagi golongan khas, Selvarajah Selvaretnam, menekankan kepentingan menjamin hak setiap manusia untuk mendapatkan rawatan serta khidmat perubatan yang memadai.

Dalam forum mengenai hak asasi wanita pula, juru lapor, Nik Noriani Nik Badli Shah, membangkitkan isu mengenai keengganan masyarakat mengiktiraf aspek tertentu berkaitan hak wanita.

Katanya, walaupun Artikel 8(2) Perlembagaan persekutuan sudah dipinda bagi menggabungkan larangan terhadap diskriminasi berdasarkan jantina, pelaksanaan masih belum diterima pakai sepenuhnya.

"Umpamanya, pemindaan Akta Penjagaan Anak pada Oktober 1999 memberi hak penjagaan anak sama rata kepada ibu serta bapa tetapi ia tidak merangkumi wanita Islam yang masih tertakluk kepada bidang kuasa perundangan Syariah.

"Begitu juga arahan Kabinet Ogos tahun lalu supaya ibu diberi hak sama seperti bapa untuk menandatangani dokumen rasmi bagi pihak anak mereka tetapi ia masih tidak dilaksanakan oleh pegawai bawahan, umpamanya di Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendidikan.

"Justeru, pelaksanaan dasar dan pindaan atau penggubalan undang-undang saja tidak memadai, sebaliknya kerajaan harus memastikan kakitangan awam menerima pakai perubahan ini," katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya semua perundangan yang berunsur menindas wanita disemak semula dan dipinda supaya selaras peruntukan Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

Antara lain, contoh penindasan paling ketara yang diketengahkan Nik Noriani ialah Akta Pencen 1980 yang menyatakan bahawa seorang janda akan kehilangan pencennya jika beliau berkahwin semula tetapi syarat yang sama tidak dikenakan terhadap duda.

(END)